

# AeU tawar sesi pengajian fleksibel

» Peluang guru lanjut pelajaran menerusi e-learning

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bh.com.my

**B**ersesuaian Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020 Kementerian Pelajaran, peranan guru adalah signifikan dalam melahirkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan.

Pelan Strategik itu yang menekankan memartabatkan profesion keguruan melalui peningkatan kompetensi serta prestasi

tinggi memberi perhatian khusus kepada pembangunan profesionalisme berterusan guru. Ini termasuk inisiatif memantapkan Program Pensiswazahan Guru (PPG) untuk meningkatkan tahap kelayakan pendidikan guru/pemimpin melalui perkongsian pintar awam-swasta.

Jika suatu ketika dulu guru terpaksa mengambil cuti untuk menyambung pelajaran, kini mereka tidak lagi perlu berbuat demikian dengan adanya konsep pembelajaran secara e-learning.

Guru yang ingin menyambung pelajaran dan pada masa sama meneruskan karier perguruan, boleh memohon untuk melanjutkan pengajian di Asia e University (AeU).

Mereka boleh membuat permohonan mengikut pengajian di Sekolah Pendidikan yang me-

nawarkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pengkhususan Pengajian Bahasa Melayu, Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Kini Pusat Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS) AeU pula memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan Pengajaran Pengajian Islam Peringkat Sekolah Rendah.

## Pindahan kredit

Bagi guru agama memiliki diploma diiktiraf MQA sama ada dari Institut Pendidikan Guru (IPG) mahupun IPTA/IPTS, mereka mempunyai peluang memendekkan tempoh pengajian melalui pindahan kredit bagi subjek yang relevan sehingga maksimum 30 peratus dari nilai kredit keseluruhan.

Dekan Sekolah Pendidikan & Sains Kognitif (School of Education & Cognitive Science) (SECS), Profesor Dr John Arul Phillips, berkata seiring matlamat pembelajaran sepanjang hayat, AeU menyediakan peluang kepada guru yang tidak memiliki ijazah menyambung pengajian.

"AeU menawarkan sesi pengajian fleksibel dan praktikal serta sesuai untuk golongan pelajar berkerjaya seperti guru dan ahli akademik," katanya.

Dengan menggunakan laman sesawang khas, Private Learning Space (PLS), ia membolehkan guru mengakses dan memuatnaik material pembelajaran lebih awal.

Program PPG yang mula diperkenalkan pada 2011 kumpulan pertama pelajar bakal menamatkan pengajian pada Ogos 2014.

Bagi mereka yang tidak mempunyai diploma dalam bidang pendidikan namun berminat mengikuti program ini, boleh memohon melalui syarat pengambilan terbuka iaitu memiliki sekurang-kurangnya PMR atau SPM dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat.

Ini selaras konsep pembelajaran sepanjang hayat iaitu mem-



John Arul Phillips

beri peluang saksama kepada mereka yang kaya dengan pengalaman namun tidak memiliki sijil berkaitan.

Pengambilan pertama untuk program ini akan dibuat pada sesi September 2013 dan pendaftaran boleh dibuat secara bersemuka di kaunter pendaftaran di Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, melalui wakil di Pusat Pengajian AeU di setiap negeri atau dalam talian di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my) atau hubungi talian 1-300-300-238.